



SOALAN LAZIM (FAQ)

BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

A. PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH

1. Bilakah sekolah akan dibuka semula?

Sekolah akan dibuka pada 24 Jun 2020 secara berperingkat bermula dengan murid kelas peperiksaan awam iaitu SPM, SVM, STAM dan STPM.

2. Bilakah murid lain di sekolah rendah dan sekolah menengah akan mula bersekolah?

Pemakluman berkaitan perkara ini akan dikeluarkan secara rasmi oleh KPM berdasarkan pandangan dan nasihat KKM serta MKN.

B. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH

3. Adakah terdapat garis panduan yang boleh dijadikan rujukan?

Ya. KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang mesti dirujuk oleh pihak sekolah, ibu bapa dan semua pihak yang berkepentingan. Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua sekolah pada 4 Jun 2020 dan boleh dimuat turun daripada portal rasmi KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my/> .

4. **Adakah garis panduan ini telah mendapat pengesahan daripada KKM dan MKN?**

Ya, garis panduan ini telah mendapat pengesahan daripada KKM dan MKN selepas sesi libat urus bersama-sama agensi berkepentingan serta pemegang taruh.

5. **Adakah Pengetua/Guru Besar boleh memanggil guru bermesyuarat dengan kehadiran melebihi 20 orang?**

Boleh. Bergantung kepada kapasiti ruang dan mengambil kira penjarakan sosial.

C. PERSEDIAAN SEBELUM MURID KE SEKOLAH

6. **Apakah langkah yang perlu diambil oleh Pengetua/Guru Besar bagi memastikan murid, guru, warga sekolah dan ibu bapa/penjaga berada dalam keadaan sihat sebelum datang ke sekolah?**

Pemakluman awal mesti diberikan kepada mereka bagi memastikan mereka berada dalam keadaan sihat untuk hadir ke sekolah.

7. **Adakah ibu bapa/penjaga perlu memastikan anak/anak jagaan mereka sihat sebelum hadir ke sekolah?**

Ya.

8. **Adakah bangunan dan kawasan sekolah perlu disanitasi sebelum sekolah dibuka semula?**

Tidak perlu.

9. Adakah murid perlu memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kawasan sekolah?

Tidak perlu. Hanya murid yang mempunyai imuniti badan yang rendah mesti sentiasa memakai pelitup muka sebelum masuk ke kawasan sekolah dan sepanjang waktu persekolahan.

10. Siapakah murid yang dikategorikan sebagai mempunyai imuniti badan yang rendah?

Mereka ialah murid yang mempunyai antibodi yang lemah untuk melawan jangkitan pelbagai penyakit seperti yang berikut:

- a. Penyakit paru-paru yang kronik;
- b. Penyakit asma yang sederhana teruk dan teruk;
- c. Penyakit jantung yang serius;
- d. Penyakit kencing manis;
- e. Penyakit buah pinggang yang menjalani dialisis;
- f. Penyakit hati;
- g. Kekurangan zat makanan serius; dan
- h. Sistem imun badan yang kurang berfungsi dengan baik akibat penyakit atau rawatan sedia ada (immunocompromised), iaitu:
 - i. murid yang sedang menerima rawatan steroid;
 - ii. murid yang mempunyai kanser dan sedang dalam rawatan kanser;
 - iii. murid yang menjalani pemindahan organ; dan
 - iv. murid yang mengambil rawatan ubat-ubatan yang boleh menyebabkan imuniti badan yang rendah seperti penyakit *SLE*, *imunosuppression* bagi rawatan kanser dan pemindahan organ.

11. Adakah pihak sekolah menyediakan pelitup muka kepada semua murid?

Tidak. Pihak sekolah hanya menyediakan pelitup muka untuk murid yang dikesan bergejala semasa berada di sekolah.

12. Adakah murid boleh membawa pensanitasi tangan ke sekolah?

Ya.

D. PENGANGKUTAN MURID PERGI DAN BALIK DARI SEKOLAH

13. Adakah garis panduan berkaitan dengan perkhidmatan bas sekolah disediakan?

Ya. Boleh layari laman sesawang Kementerian Pengangkutan Malaysia di <http://cccovid19.mot.gov.my/>.

14. Adakah murid yang menaiki bas sekolah perlu memakai pelitup muka?

Ya. Pelitup muka dipakai sebelum keluar dari kawasan sekolah, di dalam bas dan ketika turun dari bas.

15. Adakah ibu bapa digalakkan menghantar anak ke sekolah?

Ya.

16. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Pengetua/Guru Besar untuk mengurangkan kesesakan sewaktu tiba atau pulang dari sekolah?

Pengetua/Guru Besar boleh:

a. menyusun jadual datang dan pulang murid secara berperingkat;

- b. menyediakan pelan laluan masuk dan keluar;
- c. menghebahkan pelan laluan kepada murid, guru dan warga sekolah melalui pelbagai medium;
- d. memastikan murid, guru dan warga sekolah mematuhi semua arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh pihak pentadbir sekolah; dan
- e. mendapatkan kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

E. KETIBAAN DI PINTU MASUK SEKOLAH

17. Adakah pemeriksaan suhu badan akan dilaksanakan setiap hari?

Ya.

18. Di manakah pemeriksaan suhu badan akan dijalankan?

Pemeriksaan suhu badan akan dijalankan di pintu masuk sekolah atau dalam kawasan sekolah berhampiran dengan pintu masuk utama.

19. Adakah bacaan suhu badan murid perlu direkodkan setiap hari?

Ya. Bagi tujuan pengesanan dan rekod perkembangan kesihatan murid.

20. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah sekiranya suhu badan murid 37.5 darjah celsius dan ke atas?

Pengetua/Guru Besar mesti mengambil tindakan seperti yang berikut:

- a. Murid diminta untuk berehat di tempat yang disediakan dan suhu badan akan diambil semula;

- b. Sekiranya suhu masih 37.5 darjah celcius dan ke atas, murid akan dibawa ke bilik isolasi untuk diasingkan dan diberikan pelitup muka;
- c. Murid ini akan dibawa pulang oleh ibu bapa/penjaga dengan kadar segera; dan
- d. Jika terdapat tanda gejala yang ketara, sekolah perlu menghubungi Pusat Kesihatan Daerah (PKD) untuk tindakan lanjut.

21. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah sekiranya suhu badan guru dan warga sekolah 37.5 darjah celcius dan ke atas?

Suhu badan guru dan warga sekolah akan diambil semula dan sekiranya suhu masih kekal 37.5 darjah celcius dan ke atas, hendaklah diarahkan pulang. Walau bagaimanapun, jika terdapat tanda gejala yang ketara, sekolah perlu menghubungi PKD untuk tindakan lanjut.

22. Adakah ibu bapa/penjaga perlu berada bersama-sama dengan anak/anak jagaan ketika suhu badan murid diambil?

Tidak, kecuali bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan murid prasekolah yang memerlukan sokongan ibu bapa/penjaga.

F. PERGERAKAN MURID

23. Adakah murid perlu beratur di luar kelas ketika hadir atau pulang dari sekolah?

Tidak perlu.

24. Apakah langkah-langkah pencegahan penularan yang boleh diambil oleh murid ketika di sekolah?

Murid perlu sentiasa mengamalkan penjarakan sosial sepanjang masa. Elakkan 3C, iaitu tempat sesak (crowded), tempat tertutup (confined spaces) dan bercakap jarak dekat (close conversation) dan amalkan 3W, iaitu basuh tangan selalu (wash), pakai pelitup muka (wear) dan tidak bersalaman atau bersentuhan (warn).

G. PENGOPERASIAN KANTIN

25. Bagaimanakah cara mengelakkan kesesakan murid di kantin pada waktu rehat

Pihak sekolah boleh mengambil tindakan mengikut kesesuaian seperti yang berikut:

- a. Waktu rehat boleh dibuat secara berperingkat;
- b. Pengusaha kantin sekolah perlu menyediakan lebih banyak kaunter jualan makanan dan minuman;
- c. Makanan dan minuman dijual di kaunter yang sama; dan
- d. Kaedah tempahan makanan dan minuman seperti tempahan awal (pre-order) atau tempahan “combo” (makanan dan minuman) yang dihantar ke bilik PdP.

26. Adakah murid boleh membawa makanan sendiri dari rumah?

Ya. Murid digalakkan membawa makanan sendiri dari rumah.

27. Adakah murid boleh membawa sudu dan garfu sendiri?

Ya. Murid digalakkan membawa sudu dan garfu mereka sendiri.

28. Apakah tindakan Pengetua/Guru Besar jika terdapat permintaan daripada ibu bapa/penjaga untuk menghantar makanan semasa waktu rehat kepada anak/anak jagaan mereka?

Tidak dibenarkan.

29. Apakah tindakan Pengetua/Guru Besar jika terdapat pengusaha kantin yang menaikkan harga makanan bagi menampung kos pembungkusan makanan?

Pengetua/Guru Besar hendaklah berbincang dengan pengusaha kantin sekolah bagi mencari penyelesaian yang terbaik bagi kedua-dua pihak dengan merujuk Perjanjian Penyewaan dan Pengurusan Kantin Sekolah.

H. PENGOPERASIAN BILIK GURU, SURAU DAN TANDAS

30. Apakah yang perlu dilakukan jika kapasiti bilik guru tidak dapat menampung bilangan guru selepas penjarakan sosial dibuat?

Guru boleh ditempatkan di bilik-bilik khas yang lain yang terdapat di sekolah.

31. Adakah surau di sekolah boleh digunakan untuk menunaikan solat?

Boleh, dengan mematuhi sepenuhnya penjarakan sosial. Murid digalakkan menggunakan sejadah sendiri untuk solat.

32. Berapakah kekerapan tandas perlu dibersihkan dalam sehari?

Tandas perlu dibersihkan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari, iaitu sebelum dan selepas waktu persekolahan.

I. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

33. Adakah guru perlu menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi pelaksanaan PdP dalam talian?

Ya. Penyediaan RPH yang mengandungi tajuk, objektif, aktiviti dan refleksi dalam bentuk yang ringkas.

34. Adakah guru yang mengajar kelas bukan peperiksaan boleh dilibatkan untuk mengajar kelas peperiksaan?

Ya. Pengetua/Guru Besar perlu mengadakan perbincangan dalam menentukan agihan tugas yang bersesuaian, memberikan bimbingan dan sokongan kepada guru terlibat.

35. Bolehkah PdP dilaksanakan di dalam dewan?

Ya, jika bilik PdP telah digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira penjarakan sosial dan mengutamakan keselamatan murid serta guru.

36. Adakah murid dibenarkan mengikuti PdP di bilik PdP lain yang berhawa dingin?

Ya, jika semua bilik darjah telah digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira penjarakan sosial.

37. Bolehkah PdP dilaksanakan di bilik-bilik lain seperti makmal sains, makmal komputer dan bengkel?

Boleh, dengan mengambil kira penjarakan sosial dan mengutamakan keselamatan murid serta guru.

38. Adakah aktiviti di luar bilik PdP bagi mata pelajaran Pertanian dan Rekabentuk Teknologi serta mata pelajaran elektif ikhtisas boleh dilaksanakan?

Tidak. Guru disaran menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi membantu kefahaman murid tentang pelaksanaan amali mata pelajaran tersebut.

39. Adakah pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pertengahan tahun bagi semua murid perlu dilaksanakan?

Ya. Bagi murid yang tidak mengikuti sebarang aktiviti PdP sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan, guru boleh menggunakan data pentaksiran sehingga 13 Mac 2020.

40. Bagaimanakah cara guru mengumpulkan hasil kerja murid di bilik PdP?

Menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan mengambil kira penjarakan sosial dan mengutamakan keselamatan murid serta guru.

41. Adakah guru perlu melengkapkan data keahlian Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)?

Ya. Guru perlu melengkapkan data keahlian PAJSK yang dibuka sehingga 31 Julai 2020.

- 42. Bagaimanakah PAJSK dilaksanakan bagi tahun 2020?**
Pemakluman akan dibuat secara rasmi kepada semua sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 1 September 2020.
- 43. Adakah murid dibenarkan membawa peranti ke sekolah?**
Ya, kecuali telefon bimbit dan telefon pintar.
- 44. Adakah Sukarelawan di dalam Kelas (SdK) oleh PIBK masih boleh dilaksanakan?**
Ya. Sukarelawan yang bertugas mestilah sihat dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial.
- 45. Apakah inisiatif KPM untuk memastikan murid yang tidak hadir ke sekolah tidak terjejas dari segi pembelajaran mereka?**
KPM telah menyediakan PdP secara dalam talian melalui *Digital Education Learning Initiative Malaysia* atau DELIMA dan Cikgoo Tube bagi murid yang mengikuti PdP di rumah. Murid juga boleh belajar melalui TV Pendidikan di saluran Okey TV dan Astro Tutor TV. Guru turut mengedar bahan pembelajaran di lokasi tertentu untuk diserahkan kepada murid.

J. PENGURUSAN ASRAMA

- 46. Apakah panduan yang boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk mengurus murid di asrama?**
Pengetua/Guru Besar boleh merujuk Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah.

47. Adakah murid asrama dibolehkan untuk berulang alik dari rumah sekiranya mereka enggan tinggal di asrama?

Ya, dengan kebenaran Pengetua/Guru Besar mengikut prosedur sedia ada.

48. Bagaimanakah makanan di dewan makan asrama disajikan?

Pengetua/Guru Besar perlu berbincang dengan pengendali dewan makan asrama sama ada untuk menyediakan makanan secara berbungkus atau dihidang dengan mematuhi kaedah penyajian yang bersih dan selamat.

49. Adakah murid di asrama boleh menjalankan aktiviti sukan pada waktu petang?

Ya, hanya aktiviti sukan berbentuk kecergasan atau riadah yang tidak melibatkan sentuhan fizikal.

50. Berapakah bilangan murid yang boleh ditempatkan di dalam sesebuah bilik (dorm) di asrama?

Bilangan murid di dalam bilik (dorm) bergantung pada saiz bilik berkenaan dengan penjarakan satu (1) meter antara katil. Bagi katil dua tingkat hanya katil bahagian bawah sahaja yang digunakan.

K. AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM

51. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan seperti biasa apabila sekolah dibuka semula?

Tidak. Hanya aktiviti sukan dan kokurikulum secara dalam talian sahaja dibenarkan sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

52. Adakah padang atau premis sekolah boleh digunakan oleh pihak luar/agensi/persatuan sukan/kelab untuk aktiviti sukan dan kokurikulum?

Tidak boleh sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

53. Adakah murid yang terlibat dengan persediaan pasukan bawah persatuan/ Majlis Sukan Negeri dibenarkan menjalani latihan?

Ya, hanya murid yang terlibat dengan latihan persediaan pasukan kebangsaan sahaja yang dibenarkan menjalani latihan dengan kelulusan daripada KPM mengikut prosedur sedia ada.

54. Adakah murid dibenarkan menjalani latihan sukan bawah program pembangunan anjuran pihak luar/agensi/persatuan sukan/kelab?

Tidak boleh sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

55. Adakah pertandingan sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan?

Tidak boleh kecuali bagi pertandingan sukan dan kokurikulum yang dilaksanakan secara dalam talian.

L. PENGURUSAN MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

56. Adakah pihak sekolah perlu menyediakan laluan khas untuk imbasan suhu badan bagi MBK semasa ketibaan di sekolah?

Ya.

57. Adakah guru dan pembantu pengurusan murid (PPM) yang terlibat dengan MBK dibolehkan untuk tidak memakai pelitup muka?

Boleh, bagi memastikan keberkesanan komunikasi terutama untuk MBK Kurang Upaya Pendengaran dan Penglihatan.

M. INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS)

58. Adakah Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah ini terpakai untuk pusat tuisyen?

Ya. Terpakai untuk pusat tuisyen yang berdaftar dengan KPM dan dibaca bersekali dengan annex yang telah diluluskan oleh KKM dan MKN.

59. Adakah garis panduan ini terpakai kepada IPS?

Ya. Terpakai kepada semua IPS yang berdaftar dengan KPM dan dibaca bersekali dengan annex yang telah diluluskan oleh KKM dan MKN.

60. Adakah pembukaan semula sekolah pada 24 Jun 2020 melibatkan semua IPS?

Tidak, hanya melibatkan IPS kategori sekolah sahaja iaitu sekolah swasta akademik, sekolah swasta agama, sekolah antarabangsa, sekolah ekspatriat, sekolah pendidikan khas dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC).

61. Adakah IPS kategori pusat seperti pusat tuisyen, pusat bahasa dan pusat perkembangan boleh dibuka semula pada 24 Jun 2020?

Tidak boleh sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

62. Adakah murid IPS yang akan menduduki peperiksaan antarabangsa perlu hadir apabila sekolah dibuka semula?

Ya, murid yang perlu hadir adalah mereka yang menduduki peperiksaan antarabangsa seperti *International General Certificate for Secondary Education (IGCSE) O-Level, A-Level, International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP), Scholastic Assessment Test (SAT), Australia High School Certificate, Ontario School Diploma* dan *Central Board of Secondary Education (CBSE) India*.

63. Adakah murid yang akan menduduki peperiksaan *Cambridge Checkpoint* bagi peringkat rendah dan menengah rendah dibenarkan hadir ke sekolah bermula 24 Jun 2020?

Tidak, sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

64. Adakah sekolah boleh merancang semula penggal persekolahan bagi pembukaan sekolah pada 24 Jun 2020?

Ya. Walau bagaimanapun, sekolah swasta akademik dan sekolah swasta agama disaran untuk mengikuti penggal persekolahan yang ditetapkan oleh KPM.

65. Adakah sekolah dibenarkan mengadakan acara rasmi yang melibatkan perhimpunan seperti perhimpunan rasmi sekolah dan majlis graduasi?

Tidak, sehingga pemakluman baharu dikeluarkan secara rasmi oleh KPM.

- TAMAT -